

Firma nafi PM beli kapal layar

BH - 28/12/2006

Laporan akhbar dianggap palsu

KUALA LUMPUR: Kobra Yachtlik Turizm ve Turizm Limited Co, sebuah syarikat kapal layar dan pelancongan Turki, menafikan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah menempah dengannya membina sebuah kapal layar berharga RM30 juta seperti dilaporkan sebuah akhbar Turki, baru-baru ini.

Dalam suratnya kepada akhbar *Hurriyet Daily*, syarikat itu berkata, berita yang disiarkan akhbar itu pada 17 Disember lalu mengenai perkara itu adalah palsu.

"Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia tidak pernah membuat sebarang tempahan membina sebuah kapal pesiar dengan syarikat kami," katanya dalam surat itu, yang salinannya dikirim kepada *Bernamea* semalam.

Berita itu mendakwa Abdullah singhah di Bodrum, Turki baru-baru ini untuk memeriksa pembinaan bot itu yang kononnya ditempahnya em-

pat bulan lalu.

Dalam suratnya itu, syarikat berkenaan berkata: "laporan berita anda bahawa persinggahan yang dimaksudkan itu adalah sebenarnya satu lawatan bagi tujuan mengadakan satu pemeriksaan adalah tidak boleh dipercayai, berdasarkan keadaan semata-mata, khabar angin dan palsu."

Dalam surat itu juga, syarikat pembuat kapal layar itu merujuk kepada laporan berita yang ditulis oleh seorang wartawan *Hurriyet Daily*, Yasar Anter, yang disiarkan di halaman 8, yang turut menyebut nama syarikat itu.

"Kami ingin menarik perhatian anda bahawa artikel ini bukan saja menyebabkan syarikat kami berputus asa, bahkan ia meletakkan kami dalam keadaan sepi dan sedih serta sengsara.

"Kami ingin mengambil kesempatan ini dan juga menjadi tanggungjawab kami untuk memaklumkan kepada anda perkara yang sebenar," kata syarikat itu. - *Bernamea*